



## KERAJAAN MALAYSIA

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 12 TAHUN 2016

---

#### PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERUBATAN DAN SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI PERGIGIAN

#### TUJUAN

1. Pekeling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan Kerajaan mengenai pindaan skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang sedang berkuat kuasa melalui Pekeling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

#### PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN

2. Selaras dengan keputusan Kerajaan, skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa dipinda seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Pegawai Perubatan ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UD55/56; dan
  
- (b) skim perkhidmatan Pegawai Pergigian ditambah satu (1) lapisan gred iaitu Gred Pakar UG56.
  
- 3. Skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang baharu adalah seperti di **Lampiran A** dan **B**. Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) yang baharu adalah seperti di **Lampiran C** dan **D**.

## **URUSAN PERJAWATAN**

- 4. Pegawai Perubatan Gred UD53/54 dan Pegawai Pergigian Gred UG54 yang diberikan kenaikan pangkat masing-masing ke Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56, dilaksanakan di atas jawatan sedia ada secara fleksi bagi tujuan pengekalan kepakaran.
  
- 5. Dari segi struktur perjawatan, pewujudan jawatan di Gred Pakar UD55/56 dan Gred Pakar UG56 hendaklah masing-masing difleksikan dengan sekurang-kurangnya satu gred sebelumnya. Hal ini bagi mengelakkan Gred Pakar UD55/56 atau Gred Pakar UG56 dianggap sebagai tambahan hierarki baharu. Gred fleksi adalah seperti **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1: Gred Fleksi Bagi Perjawatan Pakar Perubatan dan Pakar Pergigian**

<b>Gred Fleksi Sedia Ada</b>	<b>Tambahan Gred Fleksi Baharu</b>
<u><b>Pakar Perubatan</b></u>  Gred UD51/52/UD53/54 Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54	Gred UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD51/52/UD53/54/Pakar UD55/56; atau Gred UD47/48/UD51/52/UD53/54/Pakar UD55/56

Gred Fleksi Sedia Ada	Tambah Gred Fleksi Baharu
<u>Pakar Pergigian</u>  Gred UG54 Gred UG48/UG52/UG54	Gred UG54/Pakar UG56; atau Gred UG48/UG52/UG54/Pakar UG56

## ELAUN DAN KEMUDAHAN

6. Pindaan ini juga melibatkan penetapan Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Keraian (ITK) dan Bayaran Insentif Pakar (BIP) bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56.
7. Senarai elaun dan kemudahan bagi Pegawai Perubatan Gred Pakar UD55/56 dan Pegawai Pergigian Gred Pakar UG56 adalah seperti di **Lampiran E**.

## PELAKSANAAN

8. Semua pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan yang baharu mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini.
9. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2017**.

## **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling perkhidmatan ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

21 Disember 2016

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan